

NO. SOALAN : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016 (RABU)

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), Kerajaan menyasarkan industri pembinaan berkembang pada kadar 10.3 peratus setahun. Industri ini juga dijangka menyumbang sebanyak 5.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Apakah persediaan diambil Kerajaan bagi merealisasikan sasaran yang ditetapkan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11(RMKe-11), industri pembinaan disasarkan untuk berkembang pada kadar 10.3 peratus setahun dan menyumbang 5.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020.

Pada suku tahun kedua 2016, industri pembinaan telah berkembang pada 8.8 peratus, yang didorong oleh pertumbuhan kukuh subsektor kejuruteraan awam sebanyak 18.9 peratus dan subsektor kediaman sebanyak 9.2 peratus. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam yang lebih kukuh ini disokong oleh projek-projek berkaitan petrokimia, pengangkutan dan utiliti. Pertumbuhan subsektor kediaman pula mencerminkan aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi projek perumahan yang antara lain, merupakan projek perumahan mampu milik dan mewah. Manakala dalam subsektor bukan kediaman, pertumbuhan adalah lembab berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam harta tanah komersial, khususnya segmen ruang pejabat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan yakin sasaran yang ditetapkan akan dapat direalisasikan kerana Kerajaan akan terus melaksanakan pembinaan infrastruktur, termasuklah membina dan menambah baik jaringan pengangkutan serta lebuh raya.

Sehubungan dengan itu, program perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana di bandar dan pinggir bandar akan terus dilaksanakan berasaskan keperluan. Antaranya ialah

Program Bantuan Rumah (PBR), Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Dalam tempoh RMKe-11, empat (4) strategi asas bagi mentransformasi industri pembinaan iaitu **meningkatkan kandungan pengetahuan; memacu produktiviti; memupuk amalan lestari; dan meningkatkan daya saing global** telah digariskan selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), 2016-2020 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Strategi-strategi asas yang disokong oleh 18 inisiatif CITP mampu menjadikan sektor pembinaan lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti dan berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan strategi berikut:

- Meningkatkan kualiti tenaga kerja dalam industri pembinaan;
- Memacu produktiviti dalam industri pembinaan melalui peningkatan penggunaan teknologi dan pemodenan kaedah pembinaan;
- Penyediaan ekosistem yang mempermudah pemain industri menjalankan perniagaan serta meningkatkan kelestarian infrastruktur binaan; dan
- Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berprestasi tinggi akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan dan skala dengan mewujudkan perkongsian dengan syarikat yang lebih besar atau membentuk konsortium pelbagai bidang kepakaran apabila membida projek antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri pembinaan yang lebih mantap dijangka dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia, terutamanya pekerjaan berpendapatan dan berkemahiran tinggi. Industri pembinaan juga akan memperoleh manfaat daripada produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi melalui penggunaan teknologi, tenaga kerja yang berkualiti tinggi serta peluang perniagaan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.